

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a) Berapakah bilangan kes jangkitan virus zika di Malaysia setakat ini; dan
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan virus seperti ini tidak mudah menular di dalam negara

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih atas soalan-soalan yang telah dikemukakan, di mana akhir-akhir ini sedang hangat diperbincangkan dan diperdebatkan. Ingin saya menyatakan di sini berdasarkan isu semasa jangkitan virus Zika yang mula dilaporkan di Brazil pada Mei 2015 dan sehingga 26 Februari 2016, "World Health Organization" (WHO) telah melaporkan sebanyak 40 negara telah mencatatkan kejadian kes Zika.